

## RESEARCH ARTICLE

# PEMBANGUNAN DAN KEBERKESANAN MODUL KECERDASAN SPIRITAL BAGI KESEJAHTERAAN PELAJAR B40 IPT DI MALAYSIA

## (The Development and Effectiveness of Spiritual Intelligence Modules for B40 Students in Malaysia University)

Anita Abdul Rani<sup>1</sup>, Imaduddin Abidin<sup>3</sup>, Mohd Suhardi Mat Jusoh<sup>1</sup>, Abdul Rashid Abdul Aziz<sup>2</sup> dan Tengku Intan Nabilah Tengku Sulaiman<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Lebuh persiaran Tun Khalil Yaakob, 26300 Gambang, Pahang, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>3</sup>Fakulti Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Lebuh persiaran Tun Khalil Yaakob, 26300 Gambang, Pahang, Malaysia

**ABSTRACT** - *Spiritual intelligence has an impact on individuals and even various studies show it as a positive influence on the well-being of workers and students. Their lives are found to be calmer and able to solve problems well. A module for B40 students was developed based on the ADDIE model to improve the spiritual intelligence of these B40 students. For the development of this module, a preliminary study was conducted on 44 B40 students to study their level of spiritual intelligence by using survey and interview methods to study the needs of the module. The module produced has undergone a content validation process from experts and its implementation to students. The development of this module is expected to provide comprehensive well-being to students as a whole and to B40 students in particular.*

**ABSTRAK** - Kecerdasan spiritual memberi impak kepada individu malah pelbagai kajian memperlihatkan ianya sebagai pengaruh yang positif terhadap kesejahteraan pekerja maupun pelajar. Kehidupan mereka didapati akan lebih tenang dan dapat menyelesaikan masalah dengan baik. Satu modul kepada pelajar B40 dibangunkan berdasarkan model ADDIE bagi meningkatkan kecerdasan spiritual pelajar B40 ini. Bagi pembangunan modul ini satu kajian awal telah dilakukan kepada 44 orang pelajar B40 untuk mengkaji tahap kecerdasan spiritual mereka dengan menggunakan kaedah tinjauan dan temubual untuk mengkaji keperluan modul. Modul yang dihasilkan telah menjalani proses kesahan kandungan daripada pakar dan pelaksanaannya kepada pelajar. Pembangunan modul ini diharapkan dapat memberi kesejahteraan yang menyeluruh kepada pelajar keseluruhannya dan kepada pelajar B40 khususnya.

### ARTICLE HISTORY

Received : 04<sup>th</sup> Nov. 2023

Revised : 18<sup>th</sup> Dec. 2023

Accepted : 11<sup>th</sup> Mar. 2024

Published : 23<sup>rd</sup> May 2024

### KEYWORDS

Module development

Spiritual intelligence

Well-being

B40 students

### KATA KUNCI

Pembangunan modul

Kecerdasan spiritual

Kesejahteraan

Pelajar B40

## PENDAHULUAN

Statistik 2017 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan sebilangan besar penduduk negara berada dalam kategori B40 iaitu dengan jumlah pendapatan kurang RM3000. Pada 2021 Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan bahawa sebanyak 20 peratus atau kira-kira 580,000 isi rumah adalah daripada golongan M40. Insiden ini juga terjadi ekoran pandemic Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Maka boleh dianggarkan bahawa sistem Pendidikan di negara adalah di kalangan pelajar B40.

Kajian yang lalu menunjukkan beberapa indikator pelajar B40 mempunyai lebih cabaran dari pelajar biasa antaranya adalah kesukaran mencapai tahap akademik yang tinggi (Zulliana et al., 2021), melibatkan diri dalam pekerjaan ketika belajar dan kurang berminat untuk mencapai kemahiran akademik secara relatifnya (Siti Masayu Rosliah dan Narimah, 2018). Sedangkan pelajaran yang baik adalah cara untuk keluar dari lingkaran kemiskinan dan maju dalam kerjaya dan kehidupan (Abelev, 2009).

Richardson (2002) menerangkan keseimbangan individu adalah melalui keseimbangan biologi, psikologi dan rohani. Keseimbangan ini membolehkan mereka menyelesaikan masalah dalam kehidupan dan mengadaptasi diri sesuai dengan sebarang situasi yang mencabar. Terdapat banyak kajian bagaimana kecerdasan spiritual mampu membantu pelajar mencapai kesejahteraan hidup dan menjadikan diri seorang yang bermanfaat buat dirinya dan masyarakat sekeliling. Kecerdasan spiritual yang baik perlu diamalkan oleh semua lapisan masyarakat terutama pelajar universiti. Ini kerana menurut Intan C. Mariska (2017) keperluan rohani dan jasmani perlu seimbang bagi melahirkan masyarakat yang tinggi nilai murni. Oleh yang demikian, dengan memiliki kecerdasan spiritual yang tinggi, ini akan membantu pelajar berkelakuan seiring dengan norma kehidupan disamping dapat menghindari dari melakukan perkara yang melanggar

\*CORRESPONDING AUTHOR | Anita Abdul Rani |  anita@umpsa.edu.my

© 2024 The Author(s). Published by Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah Publishing. This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 International license

hukum. Antara kelebihan lain memiliki tahap kecerdasan spiritual yang tinggi adalah berupaya mempengaruhi dan mengawal pengaruh negatif seperti stress akademik dalam kalangan murid sekolah menengah (Ahmad dan Ambotang, 2020). Malah, individu yang memiliki tahap kecerdasan spiritual yang baik akan lebih mudah menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling. Ini kerana menurut Julia Aridhona (2017), spiritualiti yang tinggi dapat dikenal pasti melalui empat hubungan iaitu hubungan ke atas diri sendiri, orang lain, alam dan juga daya yang lebih tinggi. Maka dengan itu, kajian berpendapat bahawa ibu bapa penting dalam memainkan peranan membantu meningkatkan kecerdasan spiritual di samping pihak sekolah melalui bimbingan kaunseling secara berkelompok.

Hubungan dengan tuhan akan lebih bermakna buat seseorang yang mengamalkan konsep kecerdasan spiritual. Ini dapat dilihat apabila individu akan mengakui kewujudan dan kelemahan diri sendiri di hadapan tuhan (Sagala et al., 2018). Menurut Baharuddin dan Zainab (2015) individu yang mempunyai kecerdasan rohaniah yang tinggi akan sentiasa menjaga hubungan dengan Allah SWT. Sebagai contoh, individu akan sentiasa bermuhasabah sama ada bermusuhan dengan tuhan, baik atau cintakan tuhan melebihi segala sesuatu. Ini sekaligus mampu membina individu yang unggul di mana akan bertanggungjawab pada diri sendiri, masyarakat dan negara.

Hasbi Ashshidieqy (2018) pula mengembangkan konsep kecerdasan spiritual dengan membincangkan enam elemen utama individu yang memiliki kecerdasan spiritual yang tinggi. Individu yang memiliki kecerdasan spiritual akan memiliki tujuan hidup yang baik, memiliki prinsip hidup, selalu merasakan kehadiran Allah walau dimana sahaja, cenderung untuk melakukan kebaikan, berjiwa besar dengan selalu bermuhasabah, berlapang dada dan sering meminta maaf jika melakukan kesalahan. Akhir sekali, memiliki empati apabila sentiasa berasa gembira dapat menolong orang lain.

Said dan Rahmawati (2018) menambah bersikap jujur, terbuka dengan hal sekeliling, sentiasa meningkatkan pengetahuan diri dan fokus untuk sentiasa menyumbang kepada kebaikan antara indikator yang merujuk kepada kecerdasan spiritual yang tinggi. Mustaffa et al., (2000) turut mendapati bahawa komunikasi merupakan elemen yang penting dalam membangunkan emotional dan spiritual pelajar. Ini kerana melalui komunikasi yang baik di antara pelajar dengan guru dapat meningkatkan tahap emosi dan spiritual pelajar secara keseluruhan.

Antara faktor yang boleh menyumbang kepada pembentukan kecerdasan spiritual termasuk keluarga dan juga agama. Apabila seseorang individu dibesarkan daripada keluarga yang mempunyai latar belakang agama secara tidak langsung hubungan kekeluargaan akan bertambah mesra. Ini secara tidak lansung akan mudah bagi ibu bapa membentuk sikap positif dalam diri pelajar. Pelajar yang berpeluang mendapat ajaran agama yang sistematik pula akan mudah untuk mengamalkan nilai-nilai agama dalam kehidupan sehari-hari memandangkan tabiat itu sudah sebatik semenjak kecil. Pelajar akan selalu mempraktikkan nilai murni di dalam kehidupan sehari-hari dan bukan hanya ketika menuaikan kewajipan dengan tuhan (Chin Mei Keong, 2018).

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa pelajar yang memiliki kecerdasan spiritual lebih memahami makna kehidupan apabila pelajar sentiasa mempraktikkan nilai-nilai positif seperti bersikap fleksibel, mempunyai tahap kesedaran yang tinggi serta sentiasa bermuhasabah atas segala kegagalan (Chin Mei Keong, 2018). Tahap kecerdasan spiritual yang tinggi mampu membentuk modal insan yang mempunyai sahsiah dan jati diri yang baik. Malah pada masa yang sama membantu pelajar berhadapan dengan cabaran dan dapat memilih jalan yang betul.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Sorotan kajian telah menemukan banyak bukti empirikal yang mengaitkan kecerdasan spiritual dengan kesejahteraan subjektif. Isa Almutia (2019) telah menjalankan sebuah kajian bagi melihat pengaruh kecerdasan spiritual terhadap kesejahteraan subjektif pelajar SMA Muhammadiyah Boarding School di Yogyakarta. Hasil kajian memperlihatkan kecerdasan spiritual mempunyai pengaruh yang positif terhadap kesejahteraan subjektif pelajar. Apabila pelajar mempunyai tahap kecerdasan spiritual yang tinggi, ini bermakna mereka mempunyai hubungan yang baik dengan tuhan seperti selalu bersyukur, dan meyakini kewujudan agama. Bagi pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan spiritual yang sederhana, ciri utama dapat dilihat apabila pelajar juga melakukan aktiviti spiritual kepada tuhan namun pada masa yang sama masih melakukan larangan seperti berbohong bagi menutup kesalahan. Nur Ayu Seftiani dan Benny Herlena (2018) bersetuju bahawa apabila seseorang pelajar mempunyai kecerdasan spiritual yang baik, maka kesejahteraan subjektif juga akan tinggi. Pelajar malah akan mampu menyelesaikan segala permasalahan dengan baik di samping merasai kepuasan hidup. Kajian yang dijalankan oleh Jalilian et al. (2017) mendapati terdapat korelasi antara kecerdasan spiritual dengan kebahagian hidup 277 orang pelajar Kermanshah University of Medical Sciences.

Melalui kajian literatur yang menyatakan kecerdasan spiritual akan memberi kesan terhadap pelajar seperti kebahagian pelajar, maka kajian ini mencadangkan agar konsep kecerdasan spiritual dibincangkan dalam modul pembelajaran. Apabila pelajar berasa bahagia, secara tidak langsung akan membantu meningkatkan pencapaian di dalam akademik dan kehidupan sehari-hari.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Modul Kecerdasan Spiritual bagi Kesejahteraan Pelajar B40 yang menggunakan kaedah temubual (kualitatif) dan penilaian pakar. Model ADDIE digunakan untuk mereka bentuk pengajaran modul ini.

Model ADDIE (Analysis, Design, Development, Implementation, Evaluation) merupakan satu bentuk model reka bentuk pengajaran yang melalui proses sistematik (Dick et al., 2009). Pembangunan Modul yang menggunakan kaedah ini akan melalui proses mereka bentuk, membangun, melaksana dan dinilai oleh pakar. Model ADDIE juga adalah proses rekabentuk pengajaran lelaran (proses pengulangan) di mana setiap peringkat mempunyai penilaian formatif yang mungkin menjadi penentu kembali semula ke peringkat yang sebelumnya. Reka bentuk pengajaran berdasarkan Model ADDIE ini adalah untuk menghasilkan pengajaran kompeten dan berkesan yang membolehkan pelajar memperoleh kemahiran, pengetahuan dan sikap tertentu (Jupri dan Zainiah, 2016).

Modul Kecerdasan Spiritual telah dibangunkan berdasarkan kajian keperluan terhadap pelajar-pelajar B40 seramai 44 orang. Berdasarkan Kajian Literatur dan dapatan kajian keperluan modul dibina. Kesahan kandungannya telah diadakan melalui proses penilaian dan maklumbalas dari 4 orang pakar dalam pengajian Islam dan psikologi. Penambahbaikan diadakan untuk memastikan kandungannya lebih tepat.

Dalam kajian ini sekumpulan pelajar perlu diwujudkan untuk menjalani siri-siri bengkel bagi Modul Kecerdasan Spiritual. Seramai 40 orang pelajar B40 yang sukarela menyertai bengkel selama 3 hari sebagai satu kajian rintis. Ini bagi mendapat maklumbalas dari peserta sebenar modul yang dibina iaitu pelajar B40.

## PERBINCANGAN

Aplikasi Model ADDIE dalam membangunkan Modul Kecerdasan Spiritual (Modul Cerdas) ini merangkumi ke Analisis (*Analysis*), Reka Bentuk (*Design*), Pembangunan (*Development*), Pelaksaaan (*Implementation*) dan Penilaian (*Evaluation*). Dapatan kajian mengikut peringkatnya adalah seperti berikut:

### ***Analisis (Analysis)***

Peringkat pertama dalam Model ADDIE ini merupakan peringkat permulaan di mana untuk mengenal pasti objektif, kandungan, kesesuaian terhadap sasaran dan capain modul tersebut (Larson dan Lockee, 2014; McKenney dan Reeves, 2012).

### ***Reka Bentuk (Design)***


Peringkat kedua akan menjelaskan cara untuk mencapai matlamat umum pengajaran yang telah ditentukan dalam peringkat analisis. Di sini matlamat modul yang lebih khusus dibina untuk menerangkan dengan lebih terperinci berkaitan jangkaan pengkaji terhadap responden (Jupri dan Zainiah, 2016).

### ***Pembangunan (Development)***

Peringkat ketiga ini adalah penyediaan aktiviti pengajaran untuk mencapai objektif khusus di peringkat Reka Bentuk. Ianya melibatkan pembinaan rancangan pembelajaran, bahan bantu mengajar dan dokumen sokongan (Jupri dan Zainiah, 2016; Larson dan Lockee, 2014; McKenney dan Reeves, 2012). Pembinaan aktiviti ini dilakukan oleh pengkaji sendiri dan melibatkan dua lagi pakar yang kesemuanya dalam bidang pengajian Islam dan psikologi. Ini bagi memastikan kandungan modul sesuai dalam pembentukan jiwa dari sudut agama dan spiritual. Pengkaji membina rancangan pembelajaran modul, bahan bantu mengajar dan dokumen sokongan yang diperlukan. Pembangunan modul ini mengambil tempoh 7 bulan secara keseluruhannya

### ***Pelaksanaan (Implementation)***

Pada peringkat ini, penyampaian sebenar modul (pada 21 Okt 2022) telah diadakan bersama pelajar Universiti Teknologi Malaysia. Peringkat ini juga dipanggil kajian rintis modul. Kelancaran pelaksanaan modul adalah bergantung kepada perancangan yang baik di peringkat Analisis, Reka bentuk dan Pembangunan. Modul dikira tidakberjaya jika pelajar tidak memahami arahan, tidak berjaya melakukan aktiviti yang diminta atau tidak terlibat bersama-sama.



Rajah 1. Pelaksanaan modul bersama pelajar B40 (kajian rintis)

### **Penilaian (Evaluation)**

Keberkesanannya modul dinilai secara menyeluruh pada semua peringkat termasuk selepas pelaksanaan modul. Merujuk Larson dan Lockee (2014) dan Juppri dan Zainiah (2016) penilaian perlu dilaksanakan dalam format dan sumatif. Penilaian formatif adalah pada setiap peringkat dan ke peringkat lain. Ia adalah untuk meningkatkan dan membaiki keberkesanannya modul yang direka sebelum pelaksanaan sebenar. Bagi modul ini penilaian formatif dijalankan melalui kesahan kandungan di setiap peringkat oleh pakar untuk mendapatkan pandangan mereka.

Pengkaji mendapatkan pandangan dari pakar pembinaan instrumen bagi soalan temubual pada peringkat Analisis. Bagi peringkat Reka Bentuk modul penilai luar menentukan kesesuaian objektif dan kaedah yang dikenal pasti. Seterusnya di peringkat Pembangunan, penilai luar yang berbeza pula menentukan kesesuaian pelaksanaan aktiviti. Pengkaji seterusnya akan menyemak laporan dan membuat penambahbaikan.

Penilaian sumatif ialah penilaian keseluruhan versi akhir Modul Kecerdasan Spiritual dinamakan Cerdas. Penilaian ini adalah untuk membuat keputusan tentang modul ini samada sesuai digunakan atau tidak. Pengkaji telah meminta peserta untuk menjawab soalan yang berbentuk reflektif.

### **Kandungan Modul Kecerdasan Spiritual (Cerdas)**

Modul Kecerdasan Spiritual disasarkan kepada pelajar B40 di IPTA yang mengandungi beberapa aktiviti dengan Empat objektif umum untuk dicapai iaitu Kesedaran Spiritual, Memaknakan Diri sebagai hamba dan khalifah, Membangkitkan Kesedaran Hidup Bertuhan dan Pemikiran Kritis dalam hidup beragama. Di setiap tema mempunyai i) tajuk tersendiri; ii) objektif khusus; iii) senarai bantu mengajar; iv) langkah-langkah pelaksanaan aktiviti (set induksim perkembangan dan penutup); v) aktiviti pengayaan dan pengukuhan; dan vi) dokumen-dokumen sokongan.

Pembangunan Modul Cerdas ini menepati keperluan pembelajaran kepada pelajar B40 yang mempunyai masalah di dalam akademik maupun yang tidak berminat untuk belajar. Ini kerana banyak kajian menunjukkan kecerdasan spiritual akan membantu pelajar berjaya dalam akademik dan kehidupan (Ahmad dan Ambotang, 2020; Julia Aridhona, 2017).

Modul Cerdas menyokong intervensi pelajar B40 yang mempunyai masalah dalam kehidupan. Ini bertepatan dengan model Richardson iaitu keseimbangan rohani, psikologi, dan fizikal pada individu. Objektif Kesedaran Spiritual, Memaknakan Diri sebagai hamba dan khalifah, Membangkitkan Kesedaran Hidup Bertuhan dan Pemikiran Kritis dalam hidup beragama sedikit sebanyak akan membantu pelajar dalam untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

## **KESIMPULAN**

Pembangunan modul ini telah menjadikannya lebih sistematik kerana mengaplikasikan semua peringkat model ADDIE; Analisis (*Analysis*), Reka Bentuk (*Design*), Pembangunan (*Development*), Pelaksaaan (*Implementation*) dan Penilaian (*Evaluation*). Sehubungan itu Modul Kecerdasan Spiritual dibentuk untuk membantu pelajar B40 dalam memberi semangat dan memberi cara untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Ianya juga adalah untuk membantu pelajar dalam keseimbangan rohani dan psikologi pelajar.

Pengkaji mencadangkan modul digunakan secara meluas terutama kumpulan pelajar B40 bertujuan meningkatkan pencapaian akademik mereka. Konteks ini masih baharu dan perlu diperluaskan memandangkan kemerosotan ekonomi hari ini kemungkinan juga memberi kesan kepada pembelajaran mereka.

## **PENGHARGAAN**

Pengkaji dan ahli geran mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Malaysia Pahang kerana menganugerahkan geran RDU192323 ini. Geran ini juga merupakan kerjasama di antara Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia.

## **KONFLIK KECENDERUNGAN**

Penulis dan kumpulan penyelidikan tiada sebarang konflik kecenderungan kepada mana-mana pihak sama ada terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam kajian ini.

## **RUJUKAN**

- Abelev, S.M. (2009). Advancing out of poverty: Social class worldview and its relation to resilience. *Journal of Adolescent Research*, 24 (1), 114-141.
- Andaiyani, A., Ahmad, B., Said, A., dan Ambotang, B. (2020). Pengaruh kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan persekitaran keluarga terhadap stres akademik murid sekolah menengah abstrak (The influence of emotional intelligence, spiritual intelligence and family environment toward academic stress among students). *Malaysian Journal of Social Sciences*, 5(5), 12–23.
- Baharuddin, E. dan Zainab Ismail. (2015). Kecerdasan ruhaniah membentuk manusia unggul. *Islamiyyat* 37(2), 97–105.
- Bryman, A. (2008) Social research methods. 3rd Edition, Oxford University Press, New York.

- Chin Mei Keong. (2018). Faktor-faktor yang menyumbang kepada pembentukan kecerdasan spiritual siswa guru di IPG Kampus Ilmu Khas Kuala Lumpur. *Jurnal Penyelidikan Tempawan*, 35, 129–144.
- Dick, W., Carey, L. dan Carey, J. (2009). The systematic design of instruction. 7th Edition, Pearson Higher Education Inc., Upper Saddle River, NJ, USA.
- Hasbi Ashshidieqy. (2018). Hubungan Kecerdasan Spiritual Terhadap Prestasi Belajar Siswa. *JPPP - Jurnal Penelitian dan Pengukuran Psikologi*, 7(2), 68–75.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2017). Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas. <https://statsdigital.stats.gov.my/Penerbitan/penerbitan/>
- Intan C. Mariska. (2017). Hubungan antara kecerdasan spiritual dengan kontrol diri pada mahasiswa di universitas gunadarma. *Jurnal Psikologi*, 10(2), 112–120.
- Isa Almutia. (2019). Pengaruh kecerdasan spiritual terhadap kesejahteraan subjektif siswa SMA Muhammadiyah Boarding School Yogyakarta. *Jurnal Riset Mahasiswa Bimbingan dan Konseling*, 5(5), 356–368.
- Jalilian, N., Ziapour, A., Mokari, Z., dan Neda Kianipour. (2017). A study of the relationship between the components of spiritual health and happiness of students at Kermanshah University of Medical Sciences in 2016. *Annals of Tropical Medicine and Public Health*, 10(4), 1010–1014.
- Julia Aridhona. (2017). Hubungan antara kecerdasan spiritual dan kematangan emosi dengan penyesuaian diri remaja. *Jurnal Psikologi Ilmiah*, 9(3), 224–233.
- Juppri Bacatong dan Zainiah Mohamed Isa. (2016). Aplikasi model ADDIE dalam pembangunan Modul Awal Literasi (Modul A-Lit) untuk kanak-kanak TASKA, Presented in 1<sup>st</sup> International Teacher Education Conference on Teaching Practice (ITECTP) 8-10 Oct 2016, Bangunan E-Learning, Universiti Putra Sultan Idris Tanjung Malim
- Larson, M. B., dan Lockee, B. B. (2014). Streamlined ID: A practical guide to instructional Design.Oxon: Routledge
- McKenney, S., dan Reeves, T. C. (2012). Conducting educational design research. New York: Routledge.
- Mustaffa, C. S., Omar, N., Zarirudin, M., dan Nordin, F. (2000). Antesedan kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan Kecerdasan Emosi Spiritual (ESQ) dalam kalangan pelajar sekolah berasrama penuh dan institusi pengajian tinggi (Antecedent of emotional quotient, spiritual quotient, and Emotional Spiritual Quotient (ESQ)). *Journal of Techno-Social*, 82(2), 82-98.
- Nur Ayu Seftiani Benny Herlena. (2018). Kecerdasan spiritual sebagai prediktor kesejahteraan subjektif pada mahasiswa. *Jurnal Psikologi Integratif*, 6(1), 101–115.
- Richardson, G.E. (2002). The metatheory of resilience and resiliency. *Journal of Clinical Psychology*, 58(3), 307-21.
- Sagala, P. V, Wibawanta, B., dan Appulembang, O. D. (2018). Hubungan antara Kecerdasan Spiritual (Si) dengan hasil belajar kognitif siswa kelas viii SMPK Kalam Kudus Yogyakarta pada pembelajaran matematika (The relationship between Spiritual Intelligence (Si) and cognitive learning outcomes of grade 8 students SMP. *Journal of Holistic Mathematics Education*, 2(1), 22.
- Said, A. N., dan Rahmawati, D. (2018). Pengaruh kecerdasan intelektual, kecerdasan emosional dan kecerdasan spiritual terhadap sikap etis mahasiswa akuntasi (Studi empiris pada mahasiswa prodi akutansi Universitas Negeri Yogyakarta). *Jurnal Nominal*, 7(1), 21–32.
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid dan Narimah Samat. (2018). Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap tahap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: Kajian kes di jajahan Bachok, Kelantan (Family poverty and its influence on rural community low education: Case study In Bachok District, Kelantan). *Journal of Social Sciences & Humanities*, 15 (2), 11-23.
- Zulliana Hasan, NorShafrin Ahmad, dan Shahabuddin Hashim. (2021). Resilien akademik dalam kalangan murid B40. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 3(1), 37-49.